



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KUPASAN MUTU JAWAPAN

SEJARAH 2
1249/2

S P M
2 0 1 6

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran : 1249/2
Bentuk Ujian : Ujian Subjektif
Markah Penuh : 100
Masa : 2 jam 30minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN


Kertas 2 mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A : 4 soalan struktur.
Setiap soalan struktur mempunyai 3 hingga 4 pecahan soalan.
Semua soalan wajib dijawab.
Skor setiap soalan ialah 10 markah.

Bahagian B : Mengandungi 7 soalan esei.
Setiap soalan esei mempunyai 3 hingga 4 pecahan soalan.
Jawab 3 soalan sahaja.
Skor setiap soalan ialah 20 markah.

PRESTASI TERPERINCI

1 Gambar 1 berkaitan dengan peperiksaan awam di China.



Sumber: www.shenyunperformingart.org

Gambar 1

(a) Mengapakah peperiksaan awam diadakan dalam tamadun China?

Bagi soalan 1(a), calon dikehendaki menjelaskan sebab peperiksaan awam dilaksanakan dalam tamadun China.

Contoh jawapan

Meningkatkan taraf sosial masyarakat di China dan membentuk masyarakat berilmu. Menunjukkan kepentingan ilmu bagi masyarakat. Memilih tenaga pengajar bagi mereka yang lulus peperiksaan peringkat tinggi.

Calon dapat mengemukakan sebab peperiksaan awam dilaksanakan dalam tamadun China dengan tepat.

(b) Bagaimanakah peperiksaan awam dilaksanakan dalam tamadun China?

Bagi soalan 1(b), calon dikehendaki menjelaskan cara peperiksaan awam dilaksanakan dalam tamadun China.

Contoh jawapan

Peperiksaan dijalankan di tempat tertutup di hadapan maharaja.
Pemeriksa akan dikuarantinkan ^{sebelum} peperiksaan bermula
dan peperiksaan dijalankan selama 3 hari. Makanan
dan minuman disediakan. Peperiksaan peringkat tinggi
dijalankan di ibu kota empayar.

Calon dapat mengemukakan cara peperiksaan awam dilaksanakan dalam tamadun China. Huraian tentang bagaimana peperiksaan tersebut dilaksanakan memenuhi kehendak soalan.

(c) Pernyataan berikut berkaitan dengan pendidikan di Sparta, Yunani.

Kanak-kanak adalah milik negara kota lebih daripada ibu bapa mereka. Mereka diasuh untuk menjadi tentera.

Sumber : www.historywiz.com

Mengapakah pendidikan di Sparta menitikberatkan latihan ketenteraan?

Bagi soalan 1(c), calon dikehendaki menganalisis sebab pendidikan di Sparta menitikberatkan latihan ketenteraan.

Contoh jawapan 1

Memupuk semangat patriotisme dalam diri kanak-kanak
sejak kecil lagi bagi menumpukan ketahanan dan kerediaan
mereka untuk mempertahankan negara.

Contoh jawapan 2

....Sparta merupakan negara yang berasaskan ketenteraan. Selain itu, pada zaman itu sering berlaku peperangan. dan sparta ingin mempertahankan hegemonya.....

Calon dapat mengemukakan sebab pendidikan di Sparta menitikberatkan latihan ketenteraan dengan jelas. Sebab yang dikemukakan calon dijelaskan dengan huraian yang lengkap.

(d) Wajarkah sistem pendidikan di Sparta dilaksanakan dalam dunia moden?

Beri alasan anda.

Bagi soalan 1(d), calon dikehendaki menilai kewajaran pendidikan di Sparta dilaksanakan dalam dunia moden.

Contoh jawapan 1

Tidak kerana dunia moden ini peperangan ^{jarang} ~~tidak~~ berlaku kerana semua perkara diselesaikan melalui hubungan diplomatik dan bukan peperangan. Oleh itu, pendidikan ^{secara} menyeluruh yang mencakupi ^{semua} ~~aspek~~ aspek adalah lebih berkesan bagi membentuk masyarakat yang berdaya ~~yang~~ serti cinta akan negara.

Contoh jawapan 2

...Tidak... kerang pendidikan sparta tidak mampu untuk...
mengembangkan potensi kanak-kanak. Kanak-kanak...
seharusnya di berikan pendidikan yang seimbang dan...
menyeluruh untuk melahirkan rakyat yang serba boleh.
Selain itu, pendidikan sparta terlalu ganas dan akan
menggagalkan pepetangan. Dunia moden memerlukan
masyarakat yang berfikiran moden seperti kreatif,
inovasi dan transformasi.

Kedua-dua jawapan mengemukakan pendirian yang sama iaitu pendidikan di Sparta tidak wajar dilaksanakan dalam dunia moden. Contoh jawapan 1 disertakan dengan alasan dan huraian terhadap alasan tersebut. Calon juga telah membuat rumusan terhadap jawapannya itu. Bagi contoh jawapan 2 pula, pendiriannya disokong dengan alasan dan cadangan yang sesuai untuk pendidikan dalam dunia moden pada hari ini.

Soalan 2

2 (a) Jelaskan konsep khalifah.

Bagi soalan 2(a), calon dikehendaki menjelaskan konsep khalifah.

Contoh jawapan

Khalifah merupakan pemimpin kepada sesebuah kerajaan...
~~Islam~~ selepas kewafatan baginda Nabi Muhammad. Khalifah
merupakan ketua angkatan tentera, ketua hakim dan agama. Beliau
haruslah memelihara keamanan dan perpaduan negara.

Istilah khalifah dijelaskan dengan tepat beserta dengan huraian.

(b) Nyatakan empat tugas khalifah.

Bagi soalan 2(b), calon dikehendaki menyatakan tugas seorang khalifah.

Contoh jawapan

- (i) Ketua angkatan tentera..... - ketua agong.....
- (ii) ketua hakim.....
- (iii) Mengurus institusi baitul mal.....
- (iv) Memelihara ~~tertib~~ ^{kebaikan} rakyat.....
 - Pelihara kesucian dan keagungan Islam
 - Menjaga keamanan dan kesejahteraan negara.

Tugas-tugas seseorang khalifah disenaraikan melebihi kehendak soalan.

**(c) Khalifah Abu Bakar al-Siddiq digelar sebagai Penyelamat Umat Islam.
Mengapakah beliau diberi gelaran tersebut?**

Bagi soalan 2(c), calon dikehendaki menganalisis sebab Khalifah Abu Bakar al-Siddiq digelar sebagai Penyelamat Umat Islam.

Contoh jawapan 1

Khalifah Abu Bakar al-Siddiq digelar sebagai Penyelamat Umat Islam kerana beliau telah menentang golongan al-Riddah iaitu menentang golongan nabi palsu dan golongan yang tidak bayar zakat. Beliau juga telah mengumpulkan ayat-ayat suci al-Quran agar tidak pupus seterusnya, baginda telah menghantar Khalid At-Walid dan Umayyah bin Zaid bagi memperluaskan kuasa dan memperkukuhkan sistem pertahanan negara. Perantaraan beliau juga telah menghentikan perbalahan antara umat Islam dalam memilih Khalifah sebagai pengganti Nabi Muhammad.

Contoh jawapan 2

Khalifah Abu Bakar al-Siddiq digelar sebagai Penyelamat Umat Islam kerana beliau telah menentang golongan al-riddah iaitu menentang golongan nabi palsu dan golongan yang tidak bayar zakat. Beliau juga telah mengumpukan ayat-ayat suci al-Quran agar tidak pupus seterusnya, baginda telah menghantar Khalid At-Walid dan Umayyah bin Zaid bagi memperkuasakan kuasa dan memperkukuhkan sistem pertahanan negara. Perantikan beliau juga telah menghentikan perbalahan antara umat Islam dalam memilih Khalifah sebagai pengganti Nabi Muhammad.

Jawapan pada contoh jawapan 1 menunjukkan banyak sebab dengan huraian yang ringkas. Manakala contoh jawapan 2 mengemukakan isi beserta huraian dan inferens.

Soalan 3

3 Maklumat berikut berkaitan dengan Gerakan Islah.

Gerakan Islah Islamiyah dan Pan-Islamisme tidak berjaya mendapat sokongan yang menggalakkan daripada keseluruhan umat Islam serta kesedaran politik yang amat terbatas di kalangan orang Melayu, namun setidak-tidaknya ia telah berjaya mencetuskan kesedaran awal di kalangan orang Melayu tentang kepentingan membela nasib dan hak orang Melayu agar bangkit dari lena seterusnya berjuang menentang penjajahan British.

Sumber : www.scribd.com/doc/53178436/GerakanIslah#scribd

(a) Senaraikan dua tokoh yang mempelopori Gerakan Islah.

Bagi soalan 3(a), calon dikehendaki menyenaraikan tokoh yang mempelopori Gerakan Islah.

Contoh jawapan

- (i) Syed Syeikh Al Hudi
- (ii) Dr. Burhanuddin Helmi
Syeikh* Tahir Jalaludin

Calon dapat menyenaraikan tokoh- tokoh gerakan Islah dengan tepat.

(b) Apakah matlamat Gerakan Islah?

Bagi soalan 3(b), calon dikehendaki menjelaskan matlamat Gerakan Islah.

Contoh jawapan

Gerakan Islah mempunyai matlamat untuk mengajar orang Melayu tentang kepentingan ilmu dunia beserta akhirat dan bukan ilmu akhirat semata-mata. Selain itu, gerakan Islah mengajak orang Melayu agar berubah ke arah kebaikan dengan membeni kepentingan kepada pendidikan ~~tanpa mengabaikan~~ termasuk golongan wanita. Sebagai contoh mempelajari bahasa Inggeris agar dapat menentang penjajahan British.

Calon dapat menyatakan matlamat Gerakan Islah beserta dengan huraian yang lengkap.

(c) Jelaskan saranan Gerakan Islah terhadap orang Melayu.

Bagi soalan 3(c), calon dikehendaki menjelaskan saranan Gerakan Islah terhadap orang Melayu.

Contoh jawapan

Saranan Gerakan Islah terhadap orang Melayu ialah orang Melayu sewajarnya berani mengkritik tindakan para penjajah yang menindas penduduk tanah Melayu. Selain itu, saranan Gerakan Islah ialah agar berani mengkritik Raja-Raja Melayu atau pembesar yang tidak menjangkakan tanggungjawab dalam melindungi orang Melayu. Orang Melayu juga disarankan agar menuntut ilmu ~~untuk~~ ^{dunia dan} akhirat. Gerakan Islah turut mendorong orang Melayu agar ~~tanam~~ ^{sedar} serta membela hak orang Melayu.

Calon dapat menjelaskan saranan Gerakan Islah terhadap orang Melayu dengan menyertakan huraian yang lengkap.

(d) Selain kesedaran politik yang amat terbatas, apakah faktor lain yang menyebabkan Gerakan Islah tidak berjaya mendapat sokongan yang menggalakkan daripada orang Melayu?

Beri penjelasan anda.

Bagi soalan 3(d), calon dikehendaki menjelaskan faktor lain yang menyebabkan Gerakan Islah tidak berjaya mendapat sokongan yang menggalakkan daripada orang Melayu.

Contoh jawapan 1

Gerakan Islah tidak berjaya mendapat sokongan yang menggalakkan daripada orang Melayu kerana kaum tua iaitu ulama-ulama telah mempengaruhi orang Melayu agar memberi penekanan kepada ilmu fardhu ain dan akhirus sahaja. Kesalah-risalah atau majalah juga tidak boleh diedarkan di Negeri-Negeri Melayu kerana disekat oleh undang-undang yang ditetapkan oleh British. Dakwah-dakwah oleh kaum Muda juga tidak boleh dijalankan tanpa izin Sultan. Hal ini telah menjadi penghalang kepada penyebaran idea gerakan Islah seterusnya menyebabkan penyertaan yang kurang aktif daripada orang Melayu. Kesannya, gerakan yang dibenarkan hanya tertumpu kepada sekelompok individu kerana mereka telah didedahkan dengan ideologi Gerakan Islah. Oleh itu, strategi yang lebih berkesan sewajarnya diatur bagi membolehkan Gerakan Islah mampu bergerak dengan aktif serta mendapat sokongan padu orang Melayu.

Contoh jawapan 2

Faktor lain yang menyebabkan Gerakan Dilah tidak mendapat sokongan ialah mereka menentang ugutan daripada kaum tua. Kaum tua yang menentang ilmu alkitab sahaja tidak bersedia bersetuju dengan perubahan kaum muda. Lantas, mereka membuat propaganda kepada masyarakat agar tidak menyokong Gerakan Dilah. Akhbar dan majalah rasmi Gerakan Dilah turut dihutang.

Contoh jawapan 1 telah mengemukakan beberapa fakta dan dihuraikan dengan terperinci serta disokong dengan inferens dan saranan yang munasabah. Manakala contoh jawapan 2 pula menunjukkan fakta yang dihuraikan secara berkesan.

Soalan 4

4 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor dikuatkuasakan pada tahun 1895.

(a) Apakah undang-undang tubuh?

Bagi soalan 4(a), calon dikehendaki menjelaskan maksud undang-undang tubuh.

Undang-undang tubuh ialah undang-undang tertinggi berasaskan perlembagaan.

Maksud Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor dijelaskan dengan baik.

(b) Apakah kandungan undang-undang tubuh tersebut?

Bagi soalan 4(b), calon dikehendaki menjelaskan kandungan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor.

Contoh jawapan

Pewaris Sultan haruslah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Selain itu, agama Islam sebagai agama rasmi. Wujud sistem Raja Berpelembagaan.

Beberapa isi kandungan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor disenaraikan dengan tepat.

(c) Mengapakah undang-undang tubuh tersebut digubal?

Bagi soalan 4(c), calon dikehendaki menjelaskan sebab Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor digubal.

Contoh jawapan

Undang-undang tubuh digubal bagi menyekat British daripada menjajah Johor. Selain itu, bagi menjaga dan mengekalkan kebulatan negeri. Selanjutnya, bagi memajukan pentadbiran yang licin dan kukuh. Selanjutnya, bagi memastikan ekonomi Johor stabil.

Beberapa sebab Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor digubal dijelaskan dengan baik.

(d) Bagaimanakah undang-undang tersebut dapat mencapai matlamat di 4 (c)?

Bagi soalan 4(d), calon dikehendaki menganalisis cara untuk mencapai matlamat pengubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor.

Contoh jawapan 1

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor merupakan undang-undang bertulis yang lengkap. Hal ini tidak memberi peluang kepada British untuk menggunakan alasan untuk menjajah Johor. Selain itu, undang-undang tersebut juga menimbulkan ketakutan rakyat untuk melakukan kesalahan. Oleh yang demikian, keamanan negeri dapat dijamin. Selain itu, undang-undang tersebut juga menyatakan ~~Raja dan bawahan~~ sistem Raja Berpelembagaan. Hal ini dapat mengelakkan British untuk menjajah Johor dengan alasan ingin memantapkan sistem pentadbiran.

Contoh jawapan 2

Hal ini kerana undang-undang ini berjaya menghadang pengaruh British dari memasuki pentadbiran. Misalnya, kerajaan Johor yang merupakan kerajaan paling lama bertahan dari pengaruh British. Selain itu, kewujudan jabatan-jabatan kerajaan telah melicinkan pentadbiran dengan cara setiap jabatan mempunyai tugas masing-masing. Tambahkan pula, telah meletakkan syarat pewaris tahta seperti pewaris mestilah Melayu, beragama Islam, lelaki dan berketurunan Sultan.

Contoh jawapan 1 menunjukkan beberapa cara untuk mencapai matlamat penggubalan undang-undang tubuh kerajaan Johor. Manakala bagi contoh jawapan 2 pula, selain mengemukakan cara, calon juga menjelaskan cara penggubalan tersebut dengan lebih mendalam dan terperinci.

Soalan 5

5 Tamadun awal manusia berlaku sekitar tahun 3 500 Sebelum Masihi.

(a) Jelaskan maksud tamadun.

Bagi soalan 5(a), calon dikehendaki menjelaskan maksud tamadun.

Contoh jawapan

a) Maksud tamadun dari basa bahasa Arab ialah mudun, madain dan maddina yang bermaksud budi bahasa yang tinggi dan pembudayaan perbandaran. Manakala, dalam bahasa Inggeris, tamadun bermaksud ^{iaitu} civilization yang bermaksud civitas (perbandaran). Jika pandangan sarjana Barat, tamadun hanya menetapkan pembangunan lahiriah manakala pada pandangan sarjana Islam, tamadun mesti merangkumi pembangunan lahiriah dan rohaniyah.

Calon dapat menerangkan maksud tamadun dari perspektif orang Barat dan orang Islam dengan jelas.

(b) Mengapakah tamadun awal berlaku di lembah sungai utama?

Bagi soalan 5(b), calon dikehendaki menjelaskan sebab tamadun awal berlaku di lembah sungai utama.

Contoh jawapan

b) Tamadun awal berlaku di lembah sungai utama kerana lembah sungai merupakan sumber utama yang boleh menyuburkan kawasan pertanian untuk menanam. Selain itu, lembah sungai juga merupakan nadi utama yang membekalkan sumber protein seperti makanan, ikan, udang dan lain-lain. Seterusnya, tamadun awal berlaku di lembah sungai kerana lembah sungai akan ~~menabekata~~ membekalkan sumber bekalan air yang banyak. Lembah sungai juga merupakan suatu kemudahan pengangkutan kepada masyarakat yang tinggal di sekelilingnya untuk memalutaka memalutkan kehidupan seharian mereka. Akhirnya, lembah sungai juga merupakan sumber utama yang diperlukan untuk meneruskan kehidupan seharian Masyarakat. Contohnya, masyarakat menggunakan air di lembah sungai untuk mencuci pakaian dan mereka juga akan bermandi-manda di sungai itu untuk membersihkan anggota badan mereka. Kesimpulannya, lembah sungai amat penting dan diperlukan untuk membangunkan sesebuah tamadun agar masyarakat dapat mengahungi kehidupan mereka.

Jawapan yang dikemukakan menunjukkan sebab tamadun awal terbina di lembah sungai utama dengan jelas. Sebab-sebab tersebut diuraikan dengan baik berserta contoh-contoh yang sesuai dan diakhiri dengan inferens yang berkaitan.

(c) Maklumat berikut adalah ciri tamadun.

- Petempatan kekal
- Bahasa dan tulisan

Sejauh manakah ciri tersebut mempengaruhi perkembangan tamadun awal manusia?

Bagi soalan 5(c), calon dikehendaki menilai ciri petempatan kekal serta bahasa dan tulisan sebagai faktor yang mempengaruhi perkembangan tamadun awal manusia. Jika calon tidak bersetuju dengan faktor-faktor tersebut, calon boleh mengemukakan faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi perkembangan tamadun awal manusia.

Contoh jawapan

e) Ciri tersebut telah mempengaruhi perkembangan tamadun awal manusia sehingga sekarang. Ciri-ciri tersebut amat penting kerana ciri tersebut merupakan salah satu usaha yang boleh membangkitkan tamadun dan negara mereka. Sebagai contoh, dalam tamadun Huang Ho, bandar yang terkenal seperti Anyang telah diwujudkan di petempatan kekal tamadun Huang Ho. Selain itu, bandar Anyang tersebut telah dijadikan sebagai pusat kota dan bandar tersebut telah dilindungi oleh tembok supaya dapat mengelakkan daripada serangan musuh dan untuk menjamin keselamatan negara. Bahasa dan tulisan tamadun Mesir purba pula telah berkembang maju. Contohnya, masyarakat Mesir purba telah berjaya mencipta kertas daripada pokok papyrus dan penciptaan tersebut telah menggantikan penggunaan batu-bata untuk menandakan hasil pertanian mereka dan lain-lain. Sistem tulisan di Tamadun Mesir Purba telah berkembang dari hieroglif sehingga ke demotik. Kesimpulannya, ciri-ciri tersebut amat penting dan ciri-ciri tersebut haruslah ditetapan dan dikekalkan agar tamadun tersebut akan menjadi pengajaran yang baik kepada generasi yang akan datang.

Calon menghuraikan maklumat yang diberi dalam soalan secara terperinci dan mendalam. Maklumat diolah dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai bagi menguatkan hujahnya. Seterusnya, kebolehan calon menulis inferens menampakkan kematangan jawapannya.

Soalan 6

6. Piagam Madinah yang digubal oleh Nabi Muhammad SAW pada tahun 622 Masihi merupakan perlembagaan bertulis yang pertama di dunia.

(a) Apakah Piagam Madinah?

Bagi soalan 6(a), calon dikehendaki menjelaskan kefahaman mereka terhadap Piagam Madinah.

Contoh jawapan

Undang-undang tubuh digubal bagi menghalang campur tangan British dan pada menguarai pentadbiran negeri. Undang-undang tubuh juga digubal bagi melicinkan pentadbiran negeri. Selain itu, undang-undang tersebut juga digubal agar golongan Sultan dibentok kepada individu yang mempunyai jurai keturunan yang betul.

Calon dapat menjelaskan maksud Piagam Madinah dan kegunaannya untuk mentadbir negara Madinah dengan jelas.

(b) Terangkan kandungan Piagam Madinah.

Bagi soalan 6(b), calon dikehendaki menerangkan kandungan Piagam Madinah.

Contoh jawapan

<p>Kandungan piagam Piagam Madinah terbahagi kepada aspek sosial, ekonomi, politik dan pertahanan. Dari segi politik, kandungannya iaitu Nabi Muhammad merupakan pemimpin bagi kerajaan Islam di Madinah. Nabi M. Malah, segala usuan akan dibincangkan melalui proses musyawarah untuk menjamin keadilan keputusan yang dilakukan.</p>
<p>Dari aspek sosial pula, kandungan Piagam Madinah iaitu penduduk hendak merupakan satu ^{umamah} ukhrawah yang perlu bekerjasama untuk mempertahankan negara. Malah, orang bukan Islam hendaklah menghormati orang Islam dan sebaliknya agar persengketaan dapat dielakkan. Setelah itu, Perkara ini memberi kebebasan agama kepada penduduk of Madinah selagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam.</p>
<p>Kandungan Piagam Madinah melalui aspek ekonomi iaitu amalan riba, penindasan dan penipuan dalam perniagaan adalah tidak dibenarkan. Hal ini adalah untuk memastikan tidak perlakunya sebarang penindasan terhadap golongan kurang berkemampuan. Malah, penduduk Madinah digalakkan untuk memajukan ekonomi bersama-sama supaya keuntungan dapat dinikmati bersama.</p>
<p>Kandungan seterusnya iaitu orang bukan Islam mempunyai hak yang sama dengan orang Islam Madinah. Hal ini kerana mereka akan diberi perlindungan keselamatan selagi mereka setia kepada negara. Oleh itu, kandungan Piagam Madinah meramtumi pelbagai aspek yang menguntungkan semua pihak di samping bersifat adil terhadap masyarakat.</p>

Calon dapat menyatakan isi kandungan Piagam Madinah berdasarkan beberapa aspek termasuk politik, ekonomi dan sosial. Setiap aspek berjaya diuraikan dengan jelas.

(c) Piagam Madinah memudahkan Nabi Muhammad SAW meneruskan dakwah Islamiah.

Beri penjelasan anda.

Bagi soalan 6(c), calon dikehendaki menjelaskan perkaitan antara Piagam Madinah dalam memudahkan usaha Nabi Muhammad S.A.W meneruskan dakwah Islamiah.

Contoh jawapan

Piagam Madinah memudahkan Nabi Muhammad SAW meneruskan dakwah Islamiah kerana masyarakat patuh akan arahan pemimpin. Hal ini kerana Nabi Muhammad tidak memaksa penduduk untuk memeluk agama Islam. Malah, persamaan hak yang dibentangkan kepada masyarakat menyebabkan mereka menerima ajaran yang disampaikan.

Piagam Madinah memertingkatkan keadilan dalam perniagaan dan perdagangan. Hal ini kerana amalan nabi dan penindasan telah dihapuskan. Malah, setiap masyarakat berpeluang untuk memulakan aktiviti perniagaan untuk menyara kehidupan. Oleh itu, sikap jujur para peniaga ini berjaya menarik minat masyarakat terhadap ajaran Islam.

Piagam Madinah menyemai masyarakat penduduk untuk membentuk ummah. Hal ini telah mewujudkan perpaduan antara orang Islam dan orang bukan Islam Madinah. Contohnya, orang Islam membenarkan bantuan menghormati amalan yang diamalkan oleh masyarakat bukan Islam. Kemuliaan budi pekerti orang Islam menyebabkan orang bukan Islam terbuka hati untuk menerima dakwah Islamiah yang disampaikan.

Akhir sekali, sikap Piagam Madinah yang memberi jaminan keselamatan kepada orang bukan Islam menyebabkan mereka bahu tang budi dengan Nabi Muhammad. Hal ini menyebabkan sikap merendah diri Nabi Muhammad yang memberi layanan sama rata kepada setiap lapisan masyarakat seperti bantuan kewangan memudahkan penyebaran dakwah Islamiah ke seluruh Madinah.

Calon dapat menghuraikan pertalian antara isi kandungan Piagam Madinah dengan keberkesanan usaha dakwah yang dijalankan oleh Rasulullah. Jawapan calon sangat mendalam dan terperinci serta menampakkan kematangan daya fikir calon. Bahasa yang digunakan sangat menarik. Rumusan digunakan di akhir perenggan bagi menguatkan hujah calon.

Soalan 7

7. Kerajaan Turki Uthmaniyah adalah empayar Islam yang telah bertahan selama hampir 600 tahun dan memiliki wilayah yang sangat luas.

(a) Jelaskan latar belakang pembentukan kerajaan Turki Uthmaniyah.

Bagi soalan 7(a), calon dikehendaki menjelaskan latar belakang pembentukan kerajaan Turki Uthmaniyah.

Contoh jawapan

a) Latar belakang pembentukan kerajaan Turki Uthmaniyah ialah ~~meru~~ pengasas kerajaan ini yang bernama Uthman bin Erthugrul. Nama kerajaan ini diambil daripada nama pengasasnya iaitu Uthman. Pada mulanya Uthman bin Erthugrul merupakan pemerintah di ~~terse~~ sebuah kerajaan kecil di barat Anatolia dan bersempadan dengan wilayah Konstantine. Beliau dapat sokongan tentera yang kuat apabila berjaya mengalahkan tentera Konstantine. Beliau mula menakluk kerajaan-kerajaan kecil di sekitarnya. Selepas beliau wafat, anaknya menyambung penaklukan sehingga berjaya membentuk sebuah kerajaan Turki Uthmaniyah.

Calon menerangkan dengan jelas bagaimana cara kerajaan Turki Uthmaniyah diasaskan.

(b) Terangkan sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyah kepada tamadun dunia.

Bagi soalan 7(b), calon dikehendaki menerangkan sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyah kepada tamadun dunia.

Contoh jawapan

b) Antara sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyah kepada tamadun dunia ialah dapat meluaskan kuasa Islam contohnya Kota Konstantinopol oleh ditakluk oleh Sultan Muhammad II. Selain itu, kewujudan teknologi baru ~~iaitu~~ seperti mertam berjaya dicipta. Seterusnya, kerajaan ini telah berjaya reka seni bina yang menakjubkan seperti Masjid Biru oleh Mimar Sinan. Bukan itu sahaja, kerajaan ini ~~me~~ berjaya melahirkan tentera elit iaitu Janissari. Seterusnya, dalam bidang pengetahuan kerajaan ini telah berjaya membentuk pusat pengajian tinggi yang terkenal. Selain itu, ~~daripada~~ kerajaan ini berjaya melindungi semula Kota Mekah dan Madinah. Seterusnya, kerajaan ini memberi idea tentang perbezaan darjat berdasarkan hasil usaha sendiri.

Jawapan calon menepati kehendak tugas dengan menyatakan pelbagai sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyah kepada peradaban dunia. Jawapan diuraikan dengan jelas.

(c) Maklumat berikut adalah faktor kejayaan kerajaan Turki Uthmaniyah.

- Kekuatan tentera
- Kewibawaan pemimpin

Sejauh manakah faktor tersebut menentukan kejayaan kerajaan Turki Uthmaniyah?

Bagi soalan 7(c), calon dikehendaki menilai faktor kekuatan tentera dan kewibawaan pemimpin sebagai penentu kepada kejayaan kerajaan Turki Uthmaniyah. Jika calon tidak bersetuju dengan faktor-faktor tersebut, calon boleh mengemukakan faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi kejayaan kerajaan Turki Uthmaniyah.

Contoh jawapan

c) Faktor tersebut ~~ia~~ dapat menentukan kejayaan kerajaan Turki Uthmaniyyah ~~dengan~~ iaitu kelamatan tentera ~~dengan~~ dapat menumpaskan musuh dengan mudah. Hal ini menyebabkan perluasan kuasa kerajaan ini semakin meluas. Hal ini juga menyebabkan semangat jihad tentera ~~ke~~ Turki Uthmaniyyah semakin meningkat. ~~Itu~~ Ini menyebabkan pertahanan kerajaan ini sangat kukuh dan selamat. Contohnya, tentera Janisari - kewibawaan pemimpin puks mampu mencipta undang-undang yang adil. Selain itu, ~~gantikan~~ pemimpin yang berwibawa dapat membina strategi yang bijak. Hal ini menyebabkan peperangan serta pertahanan sering berjaya peroleh kemenangan. ~~Apa~~ Hal ini juga menyebabkan rakyat percaya kepada pemimpin, setia dan secara tidak langsung perpaduan tercapai sekaligus menjamin keselamatan negara contohnya, sultan Muhammad II.

Calon dapat menghuraikan maklumat yang diberi dengan tepat dan mendalam dan disertakan dengan contoh yang sesuai. Inferens yang jitu digunakan bagi menguatkan hujah calon. Bahasa yang digunakan jelas dan menampakkan kematangan calon sewaktu berhujah.

Soalan 8

8. Nasionalisme adalah satu doktrin yang muncul di Eropah pada awal abad ke-19.

Sumber : Elie Kedourie, Nationalism, Praeger University Series, 1962

(a) Jelaskan maksud nasionalisme.

Bagi soalan 8(a), calon dikehendaki menjelaskan maksud nasionalisme.

Contoh jawapan

Maksud nasionalisme ialah semangat cinta akan negara. Penduduk setempat yang mempunyai semangat nasionalisme berusaha untuk membebaskan tanah air daripada penjajah. Penduduk setempat tidak ingin ditindas lagi dan berharap kemerdekaan perjuangan mereka menghasilkan kemerdekaan negara. Mereka ingin berkerajaan sendiri tanpa ada gangguan pihak penjajah dalam sistem pentadbiran negara. Penduduk setempat menginginkan kemerdekaan negara.

Calon dapat menyatakan maksud nasionalisme dengan tepat.

(b) Mengapakah gerakan nasionalisme muncul di Asia Tenggara pada awal abad ke-20?

Bagi soalan 8(b), calon dikehendaki menjelaskan sebab-sebab yang mempengaruhi kemunculan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.

Contoh jawapan

b) Gerakan nasionalisme muncul di Asia Tenggara pada awal abad ke-20 ialah adanya pengaruh agama. Selain itu ialah adanya peranan media massa. Majalah dan surat khabar menyarankan penduduk tempatan supaya bangkit dan menentang pemerintahan penjajah. Seterusnya ialah disebabkan dasar British. British telah menguasai sistem pentadbiran dan ekonomi tempatan. Berikutnya, wujudnya golongan intelektual. Golongan inilah yang mendorong penduduk tempatan menentang penjajah untuk menuntut kemerdekaan. Berikutnya, selain itu, British juga mengamalkan dasar pemisah dan perintah. British hanya memberi pendidikan elit kepada golongan bangsawan dan anak-anak pedagang. Penduduk tempatan hanya kekal di kawasan pedalaman dengan mengerjakan pertanian. Seterusnya, pelabur asing telah menguasai ekonomi penduduk tempatan.

Calon dapat menyatakan pelbagai faktor yang mempengaruhi kewujudan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara. Terdapat beberapa faktor yang disertakan dengan huraian.

(c) Sejauh manakah semangat nasionalisme mempengaruhi kemajuan sesebuah negara?

Bagi soalan 8(c), calon dikehendaki menilai kepentingan semangat nasionalisme dalam mempengaruhi kemajuan sesebuah negara.

Contoh jawapan

Semangat nasionalisme mempengaruhi kemajuan sesebuah negara adalah apabila penduduk tempatan bersatu-padu. Perpaduan ini membuatkan sesebuah negara aman dan bebas daripada huru-harau. Demonstrasi juga dapat dielakkan ~~lagi~~ dengan adanya semangat ~~patrisisme~~ nasionalisme. Ekonomi negara juga akan terus berkembang dan maju. Hal ini demikian kerana masyarakat rakyat ter berusaha untuk mengimport dan barangan tempatan demi menaikkan imej negara - ~~Imej negara~~ Nama baik negara juga dapat dijaga. serta Selain itu, dengan adanya semangat nasionalisme, nama baik negara bebas daripada pengaruh negatif ~~gnasir~~ luar - Di samping itu, penjajahan semula negara juga dapat ~~dilakkan~~ dielakkan. Berikutnya, sistem pentadbiran yang sistematik dapat dibentuk. Negara juga dapat melahirkan ramai falsafah, saintis dan tenaga pakar dalam pelbagai bidang apabila semangat nasionalisme ~~di~~ ada dalam diri rakyat. Dengan ini, wujudlah pelbagai alat teknologi moden yang dapat digunakan dalam kehidupan seharian sekaligus dapat memajukan sesebuah negara.

Jawapan calon dapat menghubungkan kepentingan semangat nasionalisme dalam memajukan sesebuah negara. Jawapan calon mempunyai huraian dan pengolahan yang matang dan bernas serta disokong dengan inferens yang sesuai.

Soalan 9

9. Pernyataan berikut berkaitan dengan penyerahan Sarawak kepada British.

Pada 16 Februari 1946, Charles Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada Kerajaan British. Manakala pada 1 Julai 1946, Sarawak secara rasmi telah diserahkan kepada Kerajaan British dan diisytiharkan sebagai hari 'cession day' sebagai tanda Kerajaan British telah menerima penyerahan Sarawak secara rasmi.

Sumber : Awang Mohamad Razif bin Awang Yusuf, UKOM
JASA Sarawak.

(a) Mengapakah Charles Vyner Brooke membuat penyerahan tersebut?

Bagi soalan 9(a), calon dikehendaki menjelaskan sebab Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British.

Contoh jawapan

Charles Vyner Brooke membuat penyerahan tersebut kerana beliau telah uzur dan tua. Beliau tidak mampu menemiskan pentadbiran. Anak saudara beliau, Anthony Brooke tidak layak untuk memerintah. Selain itu, terdapat juga pertikaian dalam keluarga Charles Brooke. Charles Brooke juga terdesak untuk membuat penyerahan kerana dianggap British lebih cekap untuk mentadbir. Resakan British juga menyebabkan Charles Brooke berfikir berhindar sebegini.

Calon menyatakan beberapa fakta yang jelas sebab penyerahan Sarawak dilakukan.

(b) Apakah reaksi penduduk peribumi Sarawak terhadap penyerahan tersebut?
Beri penjelasan anda.

Bagi soalan 9(b), calon dikehendaki menjelaskan reaksi penduduk peribumi terhadap tindakan Charles Vyner Brooke yang menyerahkan Sarawak kepada British.

Contoh jawapan

Penduduk peribumi menentang dan membantah penyerahan tersebut. Contohnya, Persatuan Dayak Sarawak, Persatuan Melayu Sarawak dan Datu Batingi Alang Haji Abdullah memberontak kerana membantah penyerahan tersebut. Kaum Ibu dalam PKMS juga membantah dengan menghantar surat bantahan ^{kepada pejabat yang di Sarawak} dan mengadakan demonstrasi untuk menunjukkan bantahan. Hal ini kerana tindakan Charles Brooke yang bertentangan dengan Perlembagaan 1941. Perlembagaan 1941 ialah perlembagaan bertulis yang menyatakan bahawa Raja Sarawak ingin memberi Sarawak kemerdekaan dan dipimpin oleh Majlis Negeri yang dilantik Raja Sarawak. Selain itu, Raja Sarawak tidak berunding dengan penduduk Sarawak tentang penyerahan walaupun telah bermesuarat dengan Majlis Negeri. Tetapi, sokongan ~~majoriti~~ majoritinya adalah daripada pihak British dan bukan penduduk Sarawak.

Calon dapat menjelaskan pelbagai reaksi rakyat Sarawak atas idea penyerahan Sarawak kepada British dengan huraian dan contoh yang tepat.

(c) Mengapakah British menjadikan Sarawak tanah jajahannya?

Bagi soalan 9(c), calon dikehendaki sebab British menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahannya.

Contoh jawapan

British menjadikan Sarawak tanah jajahnya kerana Sarawak kaya dengan petroleum seperti yang terdapat di Miri. Jika British mengeksploitasi sumber ini, British dapat menjual petroleum dan mendapat keuntungan maksimum. Sarawak kaya dengan sumber ^{bumi} yang lain seperti antimon, arang batu and kayu balak. Kayu balak dapat diekspor ke negara luar dan mendapat keuntungan daripadanya. British juga dapat menguatkan angkatan ekonominya terhadap Sarawak dan ingin ~~bertu~~ bertuasa mutlak atas sumber yang terdapat di Sarawak. British juga menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahan kerana kedudukannya yang strategik. Sarawak mampu dijadikan persimpangan perdagangan antarabangsa berdasarkan fungsi ekonomi dan kedudukannya yang dikunjungi oleh pedagang luar. Sarawak juga mampu dijadikan pasaran barang-barang. British menjadikan Sarawak untuk disanjung tinggi oleh kuasa Barat yang lain. Semakin luas tanah jajahan menunjukkan kekuatan dan sebagai lambang kemegahan bangsa Inggeris. Injey pihak British akan naik. Seterusnya, pergerakan politik yang tidak berkesan dan pertalihan yang menjadikan British menganggap bahawa British boleh dengan mudahnya menjajah Sarawak menjadi salah satu faktor. Contohnya, tindakan Rosli Dhobi menikam

Sir Duncan Stewart terbulau begitu salaja dan tiada ebarang tindak balas. Piagam Atlantik juga telah mengeluarkan surat usul menggaratkan Sarawak juga ingin dikuasai oleh penjajah lain. Persaingan untuk mendapat bekalan bahan mentah untuk Revolusi perindustrian menyebabkan Sarawak dijajah British.

Calon dapat menjelaskan sebab British ingin menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahan dengan huraian yang lengkap dan terperinci. Huraian turut disertakan contoh-contoh yang sesuai.

- (d) Penduduk Sarawak menggunakan slogan berikut untuk menentang penyerahan Sarawak kepada British.

"No-Cession - Atlantic Charter Must Be Respected"
(Tiada Penyerahan - Piagam Atlantik Mesti Dihormati).

Sumber : www.jasa.gov.my

Mengapakah slogan tersebut digunakan oleh rakyat Sarawak?

Bagi soalan 9(d), calon dikehendaki menjelaskan sebab rakyat Sarawak menggunakan slogan "No-Cession – Atlantic Charter Must Be Respected" (Tiada Penyerahan – Piagam Atlantik Mesti Dihormati) untuk menentang penyerahan Sarawak kepada British.

Contoh jawapan

9(a)

Slogan tersebut digunakan oleh rakyat Sarawak kerana tidak hendak dijajah oleh British. Jika Sarawak dijajah oleh pihak British, pihak British akan berkuasa mutlak atas ekonomi Sarawak. Penduduk tempatan tidak dapat memajukan ekonomi mereka, misalnya, pihak British akan merampas kegiatan ekonomi seperti pertambangan petroleum daripada penduduk tempatan untuk kepentingan sendiri. Akibatnya, penduduk ketidaktahuan dalam bidang ekonomi dan tidak dapat memajukan diri. Mereka juga akan dianggap mundur oleh negara luar. Rakyat Sarawak juga menggunakan slogan tersebut kerana ingin menerajui pentadbiran tempatan. Dengan ini, mereka akan terdedah kepada pentadbiran moden and beriktibar untuk memajukan negara pada peringkat antarabangsa. Jika mereka terus dijajah, mereka tidak dapat memajukan diri dan tidak dihormati oleh negara lain. Rakyat Sarawak menggunakan slogan tersebut untuk menghormati keputusan Bagam Atlantik yang menyuruh pihak penjajah untuk mencanberi latihan berketerampilan sendiri kepada penduduk.

Calon dapat menjelaskan sebab rakyat Sarawak menggunakan slogan tersebut untuk menentang penyerahan Sarawak kepada British dengan mengemukakan huraian yang lengkap dan contoh yang sesuai. Bahasa yang digunakan menunjukkan kematangan calon berhujah.

Soalan 10

10 Rancangan Malaysia Pertama dilaksanakan untuk membangunkan kawasan luar bandar.

(a) Mengapakah kerajaan fokus kepada usaha memperbaiki taraf hidup masyarakat luar bandar?

Bagi soalan 10(a), calon dikehendaki menjelaskan sebab kerajaan memberikan fokus kepada usaha untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat luar bandar dalam Rancangan Malaysia Pertama.

Contoh jawapan

(a) Kerajaan memberi fokus kepada usaha memperbaiki taraf hidup masyarakat luar bandar bagi mengurangkan jurang terutamanya dari segi pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar. Selain itu, kerajaan juga fokus kepada usaha tersebut bagi membangunkan kawasan luar bandar melalui penyediaan infrastruktur agar mampu meningkatkan kemajuan negara secara lebih menyeluruh. Pelbagai inisiatif yang turut dilakukan oleh kerajaan bagi memperbaiki taraf hidup masyarakat luar bandar agar perpaduan rakyat dapat dipupuk menerusi jalinan sistem pengangkutan dan perhubungan serta pendidikan dan kegiatan ekonomi-ekonomi. Pihak kerajaan juga fokus membangunkan taraf hidup mereka bagi menbasmi ~~dan~~ kemiskinan yang dialami oleh penduduk di luar bandar.

Calon mempersembahkan jawapan dengan menyatakan usaha terlebih dahulu sebelum menjelaskan sebab usaha tersebut dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Bahasa yang digunakan menampakkan kematangan jawapan calon.

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 untuk pembangunan tanah dan penempatan semula dengan objektif pembasmian kemiskinan melalui penanaman tanaman minyak sawit dan getah. Antara fungsi FELDA adalah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tanah dan aktiviti pertanian, perindustrian dan komersial sosial ekonomi.

Sumber: <http://www.felda.net.my>

**Terangkan usaha FELDA untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar.
Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda.**

Bagi soalan 10(b), calon dikehendaki menerangkan usaha yang dilaksanakan oleh FELDA untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Contoh jawapan

(b) Antara usaha yang dilakukan oleh FELDA untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar adalah menerusi pemberian bantuan modal bagi menggiatkan aktiviti pertanian terutamanya bagi hasil komoditi negara seperti getah dan kelapa sawit. Selain itu, FELDA juga turut membangunkan petempatan dan perumahan masyarakat di luar bandar yang dikelompokkan di satu kawasan & dan diberikan rumah yang lebih baik dan selamat. Para penduduk luar bandar yang menyertai usaha FELDA ini turut digelar 'peneroka' yang memberi sumbangan besar kepada sektor pertanian negara. FELDA juga turut membuka ^{banyak} peluang pekerjaan kepada para penduduk luar bandar menerusi sektor pertanian, dan perindustrian dan komersial yang jelas mampu menjana pendapatan ~~peribadi~~ peribadi setiap penduduk. Tambahan lagi, pihak FELDA juga ~~memberikan~~ membuka banyak tanah baru untuk dibangunkan oleh para penduduk luar bandar dalam sektor pertanian. Para peneroka turut menerima insentif khas daripada FELDA berdasarkan sumbangan yang mereka lakukan kepada ^{hasil} pengeluaran negara. FELDA turut menyampaikan bantuan biasiswa kepada para penduduk luar bandar yang berhasrat menyambung pelajaran ~~kepada~~ ke tahap yang lebih tinggi khususnya kepada anak-anak peneroka FELDA.

Calon menerangkan usaha-usaha yang dilakukan oleh FELDA secara terperinci dengan menyertakan huraian yang lengkap dan mendalam. Jawapan calon juga mempunyai contoh yang berkaitan.

(c) **Bagaimanakah program tersebut boleh membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat luar bandar?**

Bagi soalan 10(c), calon dikehendaki menilai keberkesanan program yang dilaksanakan oleh FELDA dalam usaha untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat luar bandar.

Contoh jawapan

Program tersebut boleh membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat luar bandar menerusi hasil pendapatan yang mereka peroleh setelah membangunkan sesebuah kawasan dengan kegiatan pertanian seperti getah dan kelapa sawit. Kedua-dua hasil komoditi ini akan dieksport ke luar negara. ~~dan~~ Maka, hal ini akan meningkatkan pendapatan negara dan sememangnya membantu para penduduk untuk keluar dari kepompong kemiskinan.


Selain itu, program ini yang dianjurkan oleh FELDA mampu membasmi kemiskinan melalui penyampaian barituan modal dan kepada para pendatang penduduk luar bandar. Dengan modal tersebut, para penduduk mampu untuk membangunkan sesebuah kawasan dengan hasil tanaman yang memberangsangkan. Kesannya, para penduduk akan memperoleh pulangan yang lumayan sejajar dengan pengeluaran yang dihasilkan.

Di samping itu, program ini juga mampu membasmi kemiskinan melalui infrastruktur seperti sekolah dan pengangkutan awam yang disediakan. Infrastruktur khususnya sekolah mampu mendidik anak-anak untuk mendepani cabaran masa kini dan seterusnya memperoleh keputusan yang cemerlang melalui peperiksaan yang dianjurkan. Misalnya, MRSM Trojak yang dipenuhi dengan anak-anak peserta telah berjaya menghasilkan golongan bijak pandai yang bakal memperoleh pekerjaan yang lebih tinggi berbanding orang tua mereka. Mereka turut memperoleh insentif khas daripada FELDA apabila berjaya dalam pelajaran dan peperiksaan peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM. Kesannya, ~~the~~ golongan ini akan berkeja di sektor-sektor masing-masing dan akhirnya berjaya mengeluarkan keluarga mereka dari kemiskinan.

Jawapan calon mempunyai isi, huraian yang mendalam, contoh yang sesuai dan inferens yang menepati kehendak tugasan. Calon telah mengemukakan jawapan yang menepati kehendak rubrik penskoran holistik.

Soalan 11

11 Peta 1 menunjukkan negara anggota Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).



Peta 1

(a) Berdasarkan Peta 1 dan pengetahuan sejarah anda, jelaskan tentang sejarah penubuhan ASEAN.

Bagi soalan 11(a), calon dikehendaki menjelaskan sejarah penubuhan ASEAN berdasarkan Peta 1 dan pengetahuan sedia ada calon.

Contoh jawapan

(a)	Asean ditubuhkan di Bangkok semasa temerainya beliajasi
	Bangkok. Anggota ASEAN pada mulanya dianggotai oleh
	Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand. Selepas
	itu bawlah Myanmar, Laos, Kambaja, Vietnam dan Filipina
	masuk menganggotai ASEAN. Timor Leste dan Papua New
	Guinea sebagai pemerhati. ASEAN ditubuhkan selepas
	kegagalan ASA dan MAPHILINDO. Idea ASEAN dicetuskan oleh
	Tun Abdul Razak. Matlama + ASEAN adalah untuk ^{bekerjasama} meningkatkan
	dan ^{meningkatkan} berkinerja dalam ekonomi serantau. ASEAN juga
	ditubuhkan untuk menstabilkan politik.

Calon dapat menggunakan maklumat daripada stimulus dan pengetahuan sedia ada untuk menjelaskan mengenai sejarah penubuhan ASEAN.

(b) Pernyataan berikut berkaitan dengan matlamat ASEAN.

...untuk mengekalkan dan meningkatkan keamanan,
keselamatan dan kestabilan serantau.

Sumber : pmr.penerangan.gov.my

Bagaimanakah Malaysia berperanan membantu ASEAN mencapai matlamat tersebut?

Bagi soalan 11(b), calon dikehendaki menjelaskan peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia bagi membantu ASEAN mencapai matlamat untuk mengekalkan dan meningkatkan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau.

Contoh jawapan

(b) Malaysia berperanan dengan menubuhkan ZOPFAN yang dicetuskan idea oleh Tun Abdul Razak. ZOPFAN (zone of peace, freedom and neutrality) meningkatkan keselamatan negara-negara ASEAN. Malaysia juga bekerjasama dalam aktiviti ekonomi serantau. Malaysia menyokong produk atau barangan yang dihasilkan oleh negara serantau. Malaysia juga mengutamakan kebergantungan ekonomi dengan negara Barat sahaja. Malaysia juga menyokong ASEAN+3 iaitu kerjasama ekonomi dengan China, Jepun dan Korea Selatan. Malaysia juga tidak mengenakan cukai barangan yang tinggi terhadap negara ASEAN kerana wujudnya AFTA. Malaysia juga tidak menghasilkan atau mencipta senjata nuklear kerana ASEAN ialah zon bebas senjata nuklear. Malaysia juga membuat penyertaan dalam sukatan SEA dan yang khusus untuk negara-negara ASEAN.

Calon mengemukakan beberapa fakta dan setiap fakta tersebut diuraikan secara ringkas untuk menyokong hujahnya. Bahasa yang digunakan ringkas dan mudah difahami.

(c) Berjayakah ASEAN mencapai matlamat di 11(b)?

Beri penjelasan anda.

Bagi soalan 11(c), calon dikehendaki menilai kejayaan ASEAN mencapai matlamat untuk mengekalkan dan meningkatkan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau.

Contoh jawapan

(c) ASEAN berjaya mencapai matlamat di atas. Hal ini demikian kerana, kadar kemiskinan bagi negara-negara ASEAN berkurangan disebabkan oleh anggota-anggota ASEAN yang menyumbang barangan keluaran masing-masing. Pembangunan di negara ASEAN juga meningkat. Contohnya, Malaysia yang ~~sedang~~ ^{sedang} menaik taraf tahap pengangkutan awam iaitu sistem LRT, KTM dan sebagainya. Pergaduhan sesama negara juga tidak wujud kerana negara-negara ASEAN akan berunding dahulu jika terdapat masalah yang timbul. Politik negara serantau juga stabil. Contohnya, ~~Malaysia~~ Malaysia yang mengamalkan sistem Raja Berpelembagaan tidak lagi ditentang oleh Indonesia seperti kejadian Ganyang Malaysia pada suatu ketika dahulu. Tahap ekonomi ASEAN meningkat dan semakin berkembang pesat. Contohnya, Singapura yang dapat menandingi kuasa-kuasa maju di dunia seperti Amerika kerana mempunyai ekonomi yang kukuh dan beban hutang yang sedikit. Selain itu, negara ASEAN juga tidak ditimpa oleh pelbagai musibah akibat dari peperangan kerana mengamalkan dasar bertekuali dan tidak pro ke mana-kuasa besar dunia. ~~Malaysia juga~~ Negara ASEAN juga tidak mempunyai pelbagai kecederaan akibat daripada senjata nuklear seperti di Hiroshima kerana kesan ~~peperangan~~ perang dunia ke-2. Hal ini kerana ASEAN merupakan zon bebas senjata nuklear.

Calon mengemukakan beberapa fakta dan dihuraikan dengan terperinci serta mendalam. Contoh-contoh yang sesuai dikemukakan untuk menyokong hujah-hujan calon. Bahasa yang digunakan menampakkan kematangan jawapan calon sewaktu berhujah.

SARANAN KEPADA CALON

1. Semua tema dan tajuk yang terdapat dalam kurikulum perlu dikuasai oleh calon. Buku teks (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5) mestilah menjadi rujukan utama calon. Namun begitu, bahan-bahan sejarah lain perlu dirujuk oleh calon untuk menambahkan pengetahuan sejarah mereka terutamanya untuk menjawab soalan-soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).
2. Calon perlu mengelakkan daripada bergantung kepada soalan ramalan kerana ketergantungan kepada soalan-soalan ramalan boleh merugikan calon jika soalan ramalan tersebut tidak dikemukakan dalam peperiksaan yang sebenar.
3. Bagi meningkatkan kemahiran menjawab, calon perlu memperbanyakkan latihan dengan menggunakan soalan-soalan SPM yang sebenar dan soalan-soalan percubaan negeri.
4. Calon perlu meneliti dan memahami semua kata tugas dalam soalan sebelum memilih soalan yang hendak dijawab. Pengetahuan berkaitan teknik menjawab soalan-soalan Kertas 2 seperti memahami kata tugas dan kehendak soalan juga perlu dikuasai oleh calon.
5. Calon disyorkan supaya menyenaraikan isi ringkas atau menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab sesuatu soalan. Rangka jawapan dapat membantu calon menguruskan masa yang betul agar tidak berlaku pembaziran masa.
6. Ketika menjawab soalan-soalan di bahagian B, calon disarankan menjawab soalan yang boleh menjamin skor yang maksimum kepada calon terlebih dahulu dan bukannya mengikut urutan nombor soalan yang dipilih.
7. Jawapan calon haruslah dibuat dalam bentuk perenggan dan dengan ayat yang lengkap serta gramatis terutamanya bagi soalan esei, bukan dalam bentuk 'point form'. Setiap isi seharusnya diuraikan dengan lengkap dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai. Disarankan jawapan bagi setiap pecahan soalan ditulis di muka surat yang baharu dalam buku jawapan.
8. Calon digalakkan menulis menggunakan laras bahasa yang mudah difahami dan gramatis. Calon perlu mengelakkan menulis jawapan menggunakan ayat ringkas dan tidak gramatis.
9. Tulisan calon perlulah bersih dan senang dibaca oleh pemeriksa. Ini memudahkan pemeriksa untuk mengenal pasti fakta, huraian, contoh dan bukti yang dikemukakan calon dalam jawapannya.
10. Bagi menjawab soalan-soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), calon perlu memahirkan diri dengan soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Isu-isu semasa perlu dikuasai oleh calon bagi memudahkan calon menjawab soalan-soalan KBAT. Calon juga perlu berusaha untuk mengeluarkan idea yang bernas bagi menjawab soalan KBAT.

SARANAN KEPADA GURU

1. Pengajaran dan pembelajaran perlu meliputi keseluruhan tema dan tajuk yang terdapat dalam kurikulum. Guru perlu memastikan calon menguasai setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks sejarah tingkatan 4 dan tingkatan 5.
2. Pelajar perlu didedahkan dengan cara menjawab soalan yang betul dan tepat. Oleh itu, bagi jawapan soalan bahagian B, guru perlu memastikan pelajar menggunakan sistem perenggan sewaktu mengarang jawapan dan menulis nombor dan pecahan soalan.
3. Guru mestilah memastikan pelajar tidak menjawab soalan dalam bentuk 'point form'.
4. Guru hendaklah merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik terutamanya menyelesaikan kurikulum supaya ulang kaji dan latih tubi yang berkesan dapat dilaksanakan dengan berkesan.
5. Guru mestilah mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid. Guru perlu mengenalpasti kelemahan calon supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki lebih awal di samping mempertingkatkan prestasi mereka dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik.
6. Guru perlu menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai satu mata pelajaran yang menyeronokkan dan cuba tingkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran ini menerusi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik. Bagi menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran yang menyeronokkan dan pelajar berminat dengan mata pelajaran Sejarah, guru boleh menggalakkan pelajar melaksanakan proses penemuan dan penyiasatan sendiri bagi mencari maklumat-maklumat yang berkaitan dengan sejarah.
7. Guru seharusnya memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan soalan yang berbentuk KBAT semasa di tingkatan empat lagi. Ini membolehkan calon mengaplikasikan kaedah menjawab soalan-soalan KBAT dalam setiap peperiksaan di peringkat sekolah bagi mengenal pasti tahap penguasaan calon.
8. Guru seharusnya melatih pelajar kaedah untuk menyampaikan huraian fakta secara berlapis-lapis atau selengkapnya terhadap setiap fakta yang dikemukakan oleh calon terutamanya untuk soalan esei.